



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : kpkt_gov
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (16)

Tarikh : 14 Jun 2013

KENYATAAN MENTERI

Ketua Pengarang,

Akhbar : The Edge Financial Daily

Tarikh : 14 Jun 2013

Perkara : *Families Displaced by Putrajaya Protest For Proper Housing*

Muka Surat : 12

PUTRAJAYA, Jumaat (14 Jun 2013) - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan mengemukakan memorandum kepada mesyuarat Jemaah Menteri minggu depan berhubung isu keretakan pangsapuri Taman Permata, Dengkil di Selangor.

Menterinya, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata siasatan awal KPKT mendapati hanya satu blok pangsapuri lima tingkat berkenaan yang mengalami keretakan, membabitkan 80 penduduk taman berkenaan, dan bukan 400 orang sebagaimana dilaporkan sebelum ini.

“Hasil lawatan menunjukkan wujud keretakan di sekitar aras bawah bangunan, keretakan luaran juga berlaku pada struktur tiang aras bawah dan beberapa unit rumah. Di sekitar kawasan blok juga berlaku mendapan tanah.

“Bagaimanapun, bangunan rumah pangsa tersebut disahkan selamat diduduki oleh pihak IKRAM,” katanya.

Beliau berkata, siasatan juga mendapati masalah yang dihadapi penduduk berkenaan membabitkan kuasa pihak berkuasa tempatan yang terletak dalam tanggungjawab kerajaan negeri Selangor.

Antara masalah yang di bawah tanggungjawab kerajaan negeri termasuk masalah longkang tersumbat, kebersihan dan sebagainya.

“Sehubungan itu, saya meminta kerajaan negeri Selangor untuk sama-sama berganding bahu dengan Kerajaan Pusat dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk berkenaan,” katanya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mai : pro@kpkt.gov.my

